

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

Kempen Promosi “Pay Online, More Me-time” (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2.0 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad serta mengikat.

1.0 Tempoh Kempen

- a) Kempen ini akan berlangsung dari 25 Mei 2025 pada jam 12:00:00 tengah malam (MYT) sehingga 24 September 2025 pada jam 11:59:59 malam (MYT) [termasuk kedua-dua tarikh] (“Tempoh Kempen”).
- b) Tempoh Kempen ini dibahagikan kepada 4 Bulan Kempen seperti berikut:

Bulan Kempen	Tarikh
Bulan 1	25 Mei - 24 Jun 2025
Bulan 2	25 Jun - 25 Julai 2025
Bulan 3	26 Julai - 25 Ogos 2025
Bulan 4	26 Ogos - 24 September 2025

2.0 Kelayakan

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang menjalankan transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u, yang juga dikenali sebagai FPX dan DuitNow Online Banking/Wallet transaksi, dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran dalam Tempoh Kempen (“Transaksi Layak”).
- b) Peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun (“Individu Bawah Umur”) hendaklah mendapatkan keizinan daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Dengan memilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran semasa pembayaran dilakukan, Individu Bawah Umur dianggap telah memperoleh keizinan terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka. Terma dan Syarat ini akan terpakai kepada ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka sebagai ganti ke atas Individu Bawah Umur tersebut.
- c) Semua pelanggan individu yang memenuhi kriteria ini dan berjaya melengkapkan Transaksi Layak akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”. Pelanggan Layak akan didaftarkan secara automatik ke dalam Kempen ini.

3.0 Mekanik Kempen

- a) Pelanggan Layak mestilah melakukan Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen bagi melayakkan diri untuk memenangi Hadiah Utama (“Hadiah Utama”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

- b) Kempen ini turut menawarkan beberapa Promosi Diskaun daripada pelbagai peniaga. Pelanggan Layak mestilah memiliki akaun yang sah dan aktif dengan peniaga yang berkenaan serta melakukan Transaksi Layak dalam Tempoh Kempen bagi melayakkan diri untuk menuntut dan menggunakan diskaun dalam kempen ini, yang selepas ini akan dirujuk sebagai “**Promosi Diskaun**”. Promosi Diskaun adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.
- c) Transaksi Layak bermaksud sebarang transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u yang berjaya dilaksanakan dalam Tempoh Kempen mengikut keperluan yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan/atau Jadual 2.

Tempoh dan pemenuhan promosi juga akan tertakluk kepada terma dan syarat peniaga yang berkenaan. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pindaan dalam proses pelaksanaan promosi yang dibuat oleh peniaga.

Jadual 1: Keperluan Kempen untuk Memenangi Hadiah Utama

Transaksi Layak	Entri Diperoleh	Amaun Layak bagi Setiap Transaksi	Hadiah Utama	Kuantiti Hadiah
Pelanggan yang melakukan transaksi Perbankan Dalam Talian Maybank2u di mana-mana platform atau peniaga dalam talian.	Satu (1) entri bagi setiap Transaksi Layak.	Sebarang amaun transaksi.	Percutian lengkap ke Jepun untuk 2 orang	Seorang (1) pemenang sepanjang Tempoh Kempen.

Jadual 2: Keperluan Kempen untuk memenangi Promosi Diskaun

Peniaga	Promosi Diskaun	Pemenuhan Promosi	Perbelanjaan/ Mekanik Kelayakan	Tarikh Promosi
Shopee	Diskaun RM10	Masukkan kod promosi: ‘SHOPEEM2U10’ semasa pembayaran dan pilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran.	Perbelanjaan minimum sebanyak RM30 menggunakan Transaksi Layak. Diskaun terhad kepada 833 pengguna terawal setiap minggu (setiap hari Isnin),	• 26 Mei 2025 • 2 Jun 2025 • 9 Jun 2025 • 16 Jun 2025 • 23 Jun 2025 • 30 Jun 2025 • 7 Julai 2025 • 14 Julai 2025 • 21 Julai 2025 • 28 Julai 2025

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

Peniaga	Promosi Diskaun	Pemenuhan Promosi	Perbelanjaan/ Mekanik Kelayakan	Tarikh Promosi
		Diskaun RM10 akan digunakan sebaik sahaja kod promosi dimasukkan.	berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat.	• 4 Ogos 2025 • 11 Ogos 2025 • 18 Ogos 2025 • 25 Ogos 2025 • 1 September 2025 • 8 September 2025 • 15 September 2025 • 22 September 2025
ZUS Coffee	Beli 1 Percuma 1 (terhad kepada RM10)	Masukkan kod promosi: ‘ZUSM2UB1F1’ semasa pembayaran dan pilih Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran. Diskaun akan digunakan pada minuman dengan nilai asas terendah dalam troli sebaik sahaja kod promosi dimasukkan.	Tiada perbelanjaan minimum. Diskaun terhad kepada 2,235 pengguna terawal setiap minggu (setiap hari Khamis), berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Setiap pengguna hanya layak menebus satu (1) promosi bagi setiap Bulan Kempen.	• 29 Mei 2025 • 5 Jun 2025 • 12 Jun 2025 • 19 Jun 2025 • 26 Jun 2025 • 3 Julai 2025 • 10 Julai 2025 • 17 Julai 2025 • 24 Julai 2025 • 31 Julai 2025 • 7 Ogos 2025 • 14 Ogos 2025 • 21 Ogos 2025 • 28 Ogos 2025 • 4 September 2025 • 11 September 2025 • 18 September 2025
Tenaga Nasional Berhad	Pulangan tunai RM10	Pulangan tunai akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan Maybank/Maybank Islamic milik Pemenang yang digunakan untuk melaksanakan Transaksi Layak.	Perbelanjaan minimum sebanyak RM50 menggunakan Transaksi Layak. Diskaun terhad kepada 2,550 pengguna terawal bagi setiap Bulan Kempen, berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Setiap pengguna hanya layak menebus satu (1) promosi sepanjang Tempoh Kempen.	25 Mei 2025 - 24 September 2025

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

Peniaga	Promosi Diskaun	Pemenuhan Promosi	Perbelanjaan/ Mekanik Kelayakan	Tarikh Promosi
CelcomDigi	Pulangan tunai RM10	Pulangan tunai akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Celcom atau Digi milik Pemenang yang digunakan untuk melaksanakan Transaksi Layak.	Perbelanjaan minimum sebanyak RM50 menggunakan Transaksi Layak untuk sebarang pelan Prabayar atau Pascabayar. Diskaun terhad kepada 1,275 pengguna Celcom dan 1,275 pengguna Digi bagi setiap Bulan Kempen, berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Setiap pengguna hanya layak menebus satu (1) promosi sama ada untuk Celcom ATAU Digi sepanjang Tempoh Kempen.	25 Mei 2025 - 24 September 2025

4.0 Pemenuhan Hadiah

- a) Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dengan item lain yang mempunyai nilai pasaran setara, mengikut budi bicara munasabahnya, dengan notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemenang yang akan dimaklumkan melalui laman web Maybank2u dan/atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank.

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

b) Contoh/senario kelayakan untuk Hadiah Utama dan Promosi Diskaun

Senario	Kelayakan
Pelanggan melakukan dua (2) pembayaran melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u sepanjang tempoh kempen. 1. Satu (1) pembayaran sebanyak RM30 kepada Shopee pada 26 Mei 2025 2. Satu (1) pembayaran sebanyak RM100 kepada Tenaga Nasional Berhad pada 1 Jun 2025	Layak menerima dua (2) entri untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. Layak menerima diskaun RM10 di Shopee sekiranya memasukkan kod promosi: ‘SHOPEEM2U10’ semasa pembayaran, tertakluk kepada prinsip siapa cepat dia dapat dan had penebusan mingguan. Layak menerima pulangan tunai RM10, tertakluk kepada prinsip siapa cepat dia dapat dan had promosi bagi setiap Bulan Kempen.
Pelanggan melakukan empat (4) pembayaran kepada Celcom melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u sepanjang tempoh kempen. 1. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 25 Mei 2. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 25 Jun 3. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 25 Julai 4. Satu (1) pembayaran sebanyak RM50 pada 25 Ogos	Layak menerima empat (4) entri untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. Layak menerima satu (1) pulangan tunai RM10 tertakluk kepada prinsip siapa cepat dia dapat dan had promosi bagi setiap Bulan Kempen.
Pelanggan melakukan satu (1) pembayaran kepada Hotlink melalui Perbankan Dalam Talian Maybank2u pada 1 September 2025.	Layak menerima satu (1) entri untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama. Tidak layak menerima sebarang Promosi Diskaun kerana Hotlink bukan peniaga yang mengambil bahagian.

c) Pelanggan Layak yang telah melaksanakan Transaksi Layak akan dipilih sebagai Pemenang. Hadiah Utama dan Promosi Diskaun akan dipenuhi mengikut jadual seperti di bawah.

Hadiah	Pemilihan Pemenang	Pemenuhan Hadiah
Hadiah Utama	Pemenang akan dipilih secara rawak menggunakan penjana rawak berdasarkan entri yang diperoleh oleh Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Kempen. Sejumlah satu (1) Pelanggan Layak akan dipilih sebagai Pemenang untuk keseluruhan Tempoh Kempen.	Hadiah akan dipenuhi dalam tempoh 90 hari selepas tamat Tempoh Kempen. Selewat-lewatnya pada 23 Disember 2025.
Shopee: Diskaun RM10	Pemenang akan dipilih berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Tertakluk kepada 833 pengguna terawal setiap minggu pada setiap hari Isnin sepanjang Tempoh Kempen.	Diskaun serta-merta akan digunakan semasa pembayaran.

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

ZUS Coffee: Beli 1 Percuma 1 (terhad kepada RM10)	Pemenang akan dipilih berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Tertakluk kepada 2,235 pengguna terawal setiap minggu pada setiap hari Khamis sepanjang Tempoh Kempen.	
Tenaga Nasional Berhad: Pulangan Tunai RM10	Pemenang akan dipilih berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Sejumlah 10,200 Pelanggan Layak akan dipilih sebagai Pemenang sepanjang Tempoh Kempen (2,550 pemenang bagi setiap Bulan Kempen).	Hadiah akan dipenuhi dalam tempoh 45 hari selepas tamat setiap Bulan Kempen. • Bulan 1: selewat-lewatnya pada 8 Ogos 2025 • Bulan 2: selewat-lewatnya pada 8 September 2025 • Bulan 3: selewat-lewatnya pada 9 Oktober 2025 • Bulan 4: selewat-lewatnya pada 8 November 2025
CelcomDigi: Pulangan Tunai RM10 cashback	Pemenang akan dipilih berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat. Sejumlah 5,100 Pelanggan Layak yang melaksanakan transaksi Celcom dan 5,100 Pelanggan Layak yang melaksanakan transaksi Digi akan dipilih sebagai Pemenang sepanjang Tempoh Kempen (1,275 pemenang bagi setiap Bulan Kempen untuk masing-masing Celcom dan Digi).	

- d) Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah Utama yang sepatutnya diberikan kepada Pemenang tersebut.
- e) Pemenang Hadiah Utama akan dimaklumkan melalui pemberitahuan segera (push notification) daripada aplikasi MAE dan/atau e-mel/panggilan telefon. Peserta yang disenarai pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul. Sekiranya soalan tersebut tidak dijawab dengan betul selepas dua (2) percubaan; ATAU sekiranya Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank tidak dapat menghubungi Pemenang selepas tiga (3) kali percubaan panggilan suara, Pemenang akan dibatalkan kelayakannya dan peserta seterusnya akan dihubungi. Sekiranya peserta tidak dapat menjawab soalan secara lisan atas sebab ketidakupayaan, penjaga sah atau wakil boleh membantu menjawab soalan yang dikemukakan.
- f) Hadiah Utama akan diberikan dalam bentuk baucar pelancongan yang dikeluarkan oleh agensi pelancongan pihak ketiga - APPLE VACATIONS SDN BHD (No. Pendaftaran Syarikat: 199101010365 (220677-X)) (“Apple Vacations”) dengan nilai seperti berikut:
- Baucar pelancongan bernilai RM20,000 untuk digunakan bagi mana-mana pakej lawatan ke Jepun;
 - Baucar pelancongan bernilai RM1,000 sebanyak lima (5) keping (jumlah keseluruhan RM5,000) untuk digunakan bagi mana-mana pakej lawatan, naik taraf pakej, tempahan hotel dan penerbangan.
- g) Baucar pelancongan tersebut adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Apple Vacations.
- Baucar ini tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai.
 - Baucar ini MESTI ditebus dan digunakan oleh Pemenang yang telah dipilih (pengesahan kad pengenalan diperlukan semasa penebusan).

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

- iii) Pemenang boleh membayar perbezaan amaun semasa membuat tempahan sekiranya nilai pembelian melebihi nilai baucar; namun begitu, tiada bayaran balik akan diberikan bagi pembelian yang nilainya kurang daripada nilai baucar.
 - iv) Tempoh sah laku baucar ini adalah selama satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan.
 - v) Baucar ini hanya boleh ditebus dengan Apple Vacations Sdn Bhd.
 - vi) Baucar asal mesti dikemukakan semasa penebusan di Apple Vacations.
- h) Maybank berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan atau bukti pengenalan diri, umur dan tempat kediaman daripada mana-mana Pemenang.
- i) Maybank tidak akan meminta sebarang maklumat perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit, Kod Kebenaran Transaksi (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali guna (OTP) daripada Pemenang untuk tujuan penebusan Hadiah atau bagi apa-apa sebab sekalipun.
- j) Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk (i) membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini; dan/atau (ii) menarik balik sebarang Hadiah yang telah diberikan kepada Pemenang sekiranya:
- i) Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau operasi Kempen; atau
 - ii) Pemenang didapati atau disyaki terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang tidak selaras dengan matlamat Kempen ini.
- Tanpa menjejaskan perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak mana-mana penyertaan atau membatalkan kelayakan mana-mana Pemenang mengikut budi bicara mutlakanya.
- k) Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat hubungan mereka seperti nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan Maybank. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan Pelanggan Layak hilang kelayakan daripada menyertai Kempen ini, dan Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan) yang dialami sekiranya maklumat hubungan Pelanggan Layak dalam rekod Bank tidak dikemas kini.
- l) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau pengganti bagi Hadiah Utama sekiranya Pemenang menolak Hadiah Utama dan/atau telah dihantar dan/atau memohon pilihan lain.
- m) Hadiah Utama yang diberikan kepada Pemenang adalah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau dalam apa-apa bentuk lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

5.0 Pemenuhan Promosi Diskaun

- a) Sepanjang Tempoh Kempen, peniaga yang dinyatakan dalam Jadual 2 berhak untuk melaksanakan usaha promosi tambahan dengan menawarkan Promosi Diskaun kepada Pelanggan Layak yang melaksanakan Transaksi Layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh setiap peniaga.
- b) Promosi Diskaun bagi Tenaga Nasional Berhad (pulangan tunai RM10) akan dikreditkan terus ke dalam Akaun Semasa/Simpanan Maybank atau Maybank Islamic milik Pemenang yang digunakan untuk melaksanakan Transaksi Layak. Akaun Semasa/Simpanan Maybank atau Maybank Islamic tersebut tidak boleh dalam status dormant atau ditutup pada waktu hadiah dikreditkan. Maybank berhak untuk membatalkan hadiah sekiranya keadaan tersebut berlaku.

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

- c) Promosi Diskaun boleh ditebus berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat bagi setiap peniaga yang disenaraikan dalam Jadual 2 dan hanya terpakai bagi pembelian yang dibuat menggunakan Perbankan Dalam Talian Maybank2u sebagai kaedah pembayaran.
- d) Promosi Diskaun juga tertakluk kepada terma dan syarat masing-masing yang ditetapkan oleh setiap peniaga. Terma dan syarat ini boleh diubah dari semasa ke semasa mengikut budi bicara peniaga. Untuk mengelakkan keraguan, Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Terma dan Syarat yang dikenakan oleh peniaga. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan dengan Promosi Diskaun, Pelanggan Layak hendaklah mengemukakan isu tersebut terus kepada peniaga yang berkenaan.
- e) Maybank berhak untuk menggantikan mana-mana atau semua Promosi Diskaun yang disenaraikan dengan item lain yang mempunyai nilai pasaran setara mengikut budi bicara munasabahnyanya, dengan notis awal selama dua puluh satu (21) hari (“hari” merujuk kepada hari kalendar) melalui sebarang kaedah yang difikirkan sesuai oleh Maybank.
- f) Promosi Diskaun adalah sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada bahan promosi yang dikeluarkan oleh peniaga. Sekiranya Promosi Diskaun tidak digunakan sebelum tarikh tamat tempoh tersebut, Maybank tidak akan bertanggungjawab untuk melanjutkan tempoh sah laku, menggantikan Promosi Diskaun tersebut, atau membuat sebarang bayaran balik atau pampasan atas mana-mana bahagian yang tidak digunakan sekiranya Pemenang dan/atau Pelanggan Layak tidak menggunakan Promosi Diskaun sepenuhnya.
- g) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau pengganti bagi Promosi Diskaun sekiranya Pelanggan Layak menolak Promosi Diskaun dan/atau memohon pilihan lain.
- h) Promosi Diskaun adalah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau apa-apa bentuk bayaran lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

6.0 Terma dan Syarat Am

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kegagalan teknikal dalam apa-apa jua bentuk, campur tangan, gangguan dan/atau ralat elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e sekiranya perkara tersebut bukan disebabkan oleh Maybank.
- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dan berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari (“hari” merujuk kepada hari kalendar). Notis tersebut akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Layak mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan maklumat atau menyemak sebarang notis yang telah disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk melayari laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala bagi meneliti terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya terdapat mana-mana Terma dan Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta bersetuju dan memberikan kebenaran agar data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank selaras dengan Kenyataan Privasi Maybank yang boleh dirujuk di www.maybank2u.com.my (“Kenyataan Privasi Maybank”) dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) bagi Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan terma-terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi Maybank dan Borang PDPA bagi Pelanggan Individu, Pelanggan Layak bersetuju dan memberikan kebenaran agar data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank bagi tujuan berikut:

- a) bagi tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media dan bahan pengiklanan atau publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio, media atas talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi ini termasuklah, tanpa had, penggunaan dan/atau penyiaran sebarang maklumat yang diberikan berkaitan penyertaan, bahan temu bual serta maklum balas dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
- e) Maybank serta pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank bagi tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak dalam Kempen ini atas sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau ketinggalan yang dilakukan oleh Maybank.
- f) Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan untuk memenuhi kewajipannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, kekacauan awam, peperangan, mogok, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak dan pandemik atau sebarang peristiwa dan keadaan lain yang berada di luar kawalan munasabah Maybank.
- g) Maybank berhak untuk membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasinya, termasuk sebarang aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang bentuk penipuan dan/atau penyalahgunaan dan/atau penyelewengan berkaitan dengan Kempen ini.
- h) Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, bagi maklum balas

Terma dan Syarat Kempen “Pay Online, More Me-time”

dan/atau aduan, Pelanggan Layak juga boleh memilih untuk menghubungi Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my.